



KAMEL bersama Naib Canselor UKM, Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali (tengah) bergambar bersama kontinjen yang hadir pada majlis perasmian perkampungan SUKIPT 2018 di UKM Bangi, semalam.

WASPADA LAWAN

■ Kontinjen UiTM sasar pertahan kejuaraan pada SUKIPT 2018

Mohd Khairie Khalid
khairie@nstp.com.my

Bangi

Juara bertahan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) tekad mempertahankan gelaran juara keseluruhan, sekali gus meraih gelaran hatrik menjelang Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018 yang bakal bermula di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, hari ini.

Bagaimanapun, di sebalik kehairahan itu, Pegawai Kontinjen UiTM, Nor Ashikin Hassan (gambar) berkata, pihaknya tetap berwaspada dengan kehadiran lebih ramai atlet yang dilihat mampu memberikan saingan kompetitif dalam kejohanan kali ini.

"Kami mahu cuba mencipta hatrik kali ini kerana semua sudah melakukan persiapan sejak awal.

"Untuk itu, kami menyasarkan memenangi 58 pingat emas. Tapi dalam masa sama kami agak tercekam dengan suasana yang semakin kompetitif kerana lebih ramai atlet yang memasuki universiti dan akan memberikan saingan kuat kepada UiTM.

"Penyertaan universiti antarabangsa luar juga memberikan tekanan kepada pasukan kita, namun perancangan rapi daripada Unit Pembangunan Sukan UiTM dan Pusat Sukan UiTM, Insya-Allah kita sudah bersedia mencapai sasaran," kata Ashikin ketika ditemui pada Majlis Perasmian Perkampung-



KAMEL (dua dari kiri) bersama Dr Noor Azlan (kiri) menyampaikan cenderahati kepada kontinjen pada majlis perasmian SUKIPT.

ngan SUKIPT 2018, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Universiti Putra Malaysia (UPM) bakal menjadi antara pesaing hebat buat UiTM kerana mempunyai ramai atlet dalam sukan yang menawarkan banyak pingat emas seperti olahraga dan renang.

Selain UPM, Ashikin turut menjadikan Majlis Sukan Politeknik dan Universiti Sunway sebagai pesaing utama UiTM.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pendidikan

tinggi, Datuk Kamel Mohamad menyifatkan penganjuran SUKIPT 2018 adalah satu lagi usaha Kementerian meneruskan kesinambungan sejak 2012 bagi mencari lebih ramai atlet berbakat di institusi pendidikan tinggi (IPT) seluruh negara.

SUKIPT 2018 mempertandingkan 27 acara sukan dengan perebutan 236 pingat emas membabitkan penyeriaan seramai 10,000 atlet, pegawai serta sukarelawan daripada 69 kontinjen IPT tempatan dan sembilan kontinjen IPT antarabangsa.